Pendakwa Raya lwn Mohd Sufian bin Hashim

A

MAHKAMAH TINGGI (PULAU PINANG) — PERBICARAAN JENAYAH NO 45A-29–08 TAHUN 2016
ABDUL WAHAB PK
30 OKTOBER 2017

B

Undang-Undang Jenayah — Dadah berbahaya — Pengedaran — Tertuduh dituduh mengedar dadah berbahaya di bawah s 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 ('Akta') yang boleh dihukum di bawah s 39B(2) Akta — Sama ada dadah yang dijumpai tersenarai dalam Akta dengan berat seperti dalam pertuduhan — Sama ada tertuduh mempunyai jagaan, kawalan dan pengetahuan ke atas dadah — Sama ada elemen pengedaran dibuktikan — Sama ada kes prima facie dibuktikan — Sama ada pembelaan bersifat pemikiran terkemudian dan penafian semata-mata — Sama ada anggapan di bawah s 37(d) dan (da) berjaya disangkal — Sama ada kes pendakwaan berjaya dibuktikan melampaui keraguan munasabah — Akta Dadah Berbahaya 1952 ss 37(d), (da), 39B(1)(a) & (2)

C

D

E

Pada 6 Julai 2015, semasa membuat rondaan, pengadu ('SP6') bersama lima anggota polis telah ternampak sebuah kereta jenis Axia berwarna hijau yang dinaiki oleh tertuduh dalam keadaaan mencurigakan di mana kereta tersebut telah berhenti di tengah jalan. Hasil daripada pemeriksaan, SP6 menjumpai sebuah beg hitam ('P13') di atas tempat duduk penumpang sebelah pemandu dan di dalamnya terdapat satu paket plastik berwarna *silver* yang mengandungi ketulan heroin. Ahli kimia ('SP4') telah mengesahkan bahawa ketulan dan serbuk di dalam plastik tersebut mengandungi 14.97g heroin dan 2.16g monoacetylmorphines. Tertuduh kemudian ditangkap dan dituduh atas kesalahan mengedar dadah berbahaya menurut s 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 ('Akta') yang boleh dihukum mati mandatori di bawah s 39B(2) Akta. Dalam pembelaannya, tertuduh menyatakan bahawa dadah yang dijumpai di bawah kerusi penumpang kereta jenis Axia adalah milik rakannya ('SP7') dan tidak ada apa-apa barang peribadi milik tertuduh dijumpai dalam P13. Selain itu, tertuduh juga tidak bersetuju bahawa dia telah menandatangani borang bongkar yang telah disediakan oleh SP6.

F

G

H

Diputuskan, mensabitkan tertuduh bersalah dan menjatuhkan hukuman gantung sampai mati ke atas tertuduh:

I

(1) Pengendalian barang kes yang melibatkan saksi-saksi pendakwaan menunjukkan bahawa tidak ada putusnya rantaian keterangan mengenai barang kes. Selain itu, SP4 mendapati bahawa ketulan dan serbuk yang terdapat dalam plastik yang ditemui mengandungi 14.97g heroin dan

2.16g monoacetylmorphines, kedua-duanya disenaraikan dalam Jadual Pertama Akta. SP4 merupakan ahli kimia yang masih dalam perkhidmatan, oleh itu, keterangannya boleh diterima oleh mahkamah kerana ianya sempurna dan tiada kecacatan. Berdasarkan dapatan di atas, mahkamah memutuskan bahawa dadah yang dirampas oleh SP6 sebagaimana pertuduhan adalah dadah sepertimana yang disenaraikan di bawah Akta (lihat perenggan 35–37 & 61).

(2) Berdasarkan keterangan saksi-saksi pihak pendakwaan, mahkamah mendapati bahawa SP7 tidak menggunakan kereta tersebut semasa tangkapan ke atas tertuduh dibuat. Kereta tersebut digunakan oleh tertuduh pada masa kejadian di mana tertuduh seorang sahaja berada di dalam kereta. Oleh itu, tertuduh mempunyai penjagaan dan kawalan ke atas kereta tersebut dan semua barang-barang yang telah dirampas oleh SP6 dari kereta tersebut pada masa kejadian dan tangkapan tertuduh (lihat perenggan 44).

(3) Seksyen 37(d) Akta menyatakan sesiapa yang berada di dalam jagaan atau di dalam kawalannya dadah berbahaya adalah dianggap mempunyai pemilikan dadah tersebut dan dianggap mempunyai pengetahuan akan 'nature' dadah tersebut. Dengan mengguna pakai prinsip pemilikan di atas dan anggapan di bawah s 37(d) Akta, mahkamah memutuskan bahawa tertuduh mempunyai milikan dan kawalan terhadap dadah yang dijumpai di dalam kereta tersebut (lihat perenggan 57–58).

(4) Bagi pertuduhan di bawah s 39B(1)(a) Akta, elemen pengedaran dibuktikan dengan pemakaian anggapan di bawah s 37(da)(iiia) Akta. Memandangkan di dalam kes semasa elemen pemilikan dan pengetahuan telah dibuktikan melalui keterangan fakta secara langsung dan juga keterangan berkeadaan, maka, anggapan di bawah s 37(da)(iiia) Akta adalah terpakai. Mahkamah telah membuat penilaian maksima ke atas keseluruhan keterangan dan memutuskan bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kes prima facie terhadap tertuduh sebagaimana pertuduhan. Oleh itu, mahkamah telah memanggil tertuduh untuk membela diri (lihat perenggan 59 & 64).

(5) Mahkamah mendapati terdapat pembelaan tertuduh yang tidak dicadangkan kepada mana-mana saksi pendakwaan dan hanya ditimbulkan semasa kes pembelaan. Selain itu terdapat percanggahan versi tertuduh semasa kes pendakwaan dan kes pembelaan. Berkenaan dengan isu berkaitan dengan kedudukan di mana tertuduh tidak setuju bahawa tertuduh telah menandatangani borang bongkar, mahkamah mendapati bahawa terdapat ketinggalan oleh pihak pembelaan untuk mencadangkan isu ini kepada SP6 semasa SP6 memberi keterangan. Oleh itu, mahkamah memutuskan bahawa pembelaan tertuduh merupakan keterangan yang bersifat pemikiran terkemudian dan penafian kosong semata-mata (lihat perenggan 81, 84–86, 91 & 96).

(6) Berdasarkan dapatan-dapatan di atas, mahkamah memutuskan bahawa pihak pembelaan telah gagal menyangkal anggapan milikan di bawah s 37(d) Akta dan anggapan pengedaran di bawah s 37(da) Akta atas imbangan kebarangkalian dan gagal mewujudkan keraguan yang munasabah ke atas kes pendakwaan. Oleh itu, pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kes pendakwaan melampaui keraguan yang munasabah bagi pertuduhan di bawah s 39B(1)(a) Akta terhadap tertuduh (lihat perenggan 97–98).

[English summary

On 6 July 2015, during patrol, the complainant ('SP6') along with five police officers had spotted a green Axia car which was driven by the accused in suspicious circumstances in which the car had stopped in the middle of the road. As a result of the inspection, SP6 found a black bag ('P13') on the passenger seat beside the driver and there was a silver plastic packet containing heroin lumps. The chemist ('SP4') confirmed that the lumps and the powder substance in the said plastic contained 14.9g of heroin and 2.16g of monoacetylmorphines. The accused was subsequently arrested and charged for the offence of trafficking dangerous drugs pursuant s 39B(1)(a) of the Dangerous Drugs Act 1952 ('the Act') which was punishable with mandatory death sentence under s 39B(2) of the Act. In his defence, the accused submitted that the drugs found under the passenger car seat of the Axia car was owned by his friend ('SP7') and there were no personal belongings of the accused found in P13. Apart form that, the accused also disagreed that he had signed a disclosure form which was prepared by SP6.

Held, convicting the accused and sentencing the accused to death:

(1) The handling of the case exhibits which involved prosecution's witnesses showed that there was no break in the chain of evidence of the case exhibits. In addition, SP4 found that the lumps and powder substance in the plastic found contained 14.97g of heroin and 2.16g of monoacetylmorphines, both listed in the First Schedule of the Act. SP4 was still a chemist in service, therefore, his evidence was admissible by court as it was perfect and had no defect. Based on the above findings, the court decided that the drugs seized by SP6 as per change was the drugs listed under the Act (see paras 35–37 & 61).

(2) Based on the evidence of the prosecution's witnesses, the court found that SP7 had not used the said car when the arrest of the accused was made. The said car was used by the accused at the time of the incident where the accused was alone in the car. Therefore, the accused had custody and control of the said car and all the things seized by SP6 from the car at the time of the incident and the arrest of the accused (see para 44).

(3) Section 37(d) of the Act states that any person having custody or control

of dangerous drugs was presumed to have possession of the said drugs and was presumed to have knowledge of the nature of the said drugs. By applying the principle of possession and presumption under s 37(d) of the Act, the court decided that the accused had possession and control of the drugs found in the said car (see paras 57–58).

(4) For a charge under s 39B(1)(a) of the Act, the element of trafficking must be established by applying the presumption under s 37(da)(iiia) of the Act. Since in the present case the element of possession and knowledge was established through direct factual evidence and also circumstantial evidence, therefore, the presumption under s 37(da)(iiia) of the Act is applicable. The court had made a maximum evaluation on the overall evidence and ruled that the prosecution had succeeded in proving a prima facie case against the accused as per charge. Therefore, the court had called the accused for defence (see paras 59 & 64).

(5) The court found the defence of the accused was not offered to any of the prosecution's witnesses and was only raised during the defence case. Apart from that there was discrepancies in the accused's version during the prosecution case and the defence case. On the issue relating to the position which the accused disagree that he had signed the disclosure form, the court found that there was an omission by the defence to propose this issue to SP6 when SP6 gave his testimony. Therefore, the court ruled that the defence of the accused was evidence of an afterthought nature and was merely a bare denial (see paras 81, 84–86, 91 & 96).

(6) Based on the findings above, the court decided that the defence had failed to negate the presumption under s 37(d) of the Act and the presumption of trafficking under s 37(da) of the Act on the balance of probabilities and failed to raise a reasonable doubt on the prosecution' case. Therefore, the prosecution had succeeded in proving the prosecution case beyond reasonable doubt on the charge under s 39B(1)(a) of the Act against the accused (see paras 97–98).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai pengedaran, lihat 4(1) *Mallal's Digest* (5th Ed, 2015) perenggan 815–975.

Kes-kes yang dirujuk

Alma Nudo Atenza v PP [2017] MLJU 884, MR (dirujuk)
Bebou Akpo Bouraima lwn Pendakwa Raya [2017] MLJU 477; [2017] 1 LNS 511, MR (dirujuk)
Balachandran v PP [2005] 2 MLJ 301; [2005] 1 CLJ 85, MP (dirujuk)
Chan Chwen Kong v PP [1962] 1 MLJ 307, MR (dirujuk)
DA Duncan v PP [1980] 2 MLJ 195, MP (dirujuk)

Henry Chan Kok Loon v PP [2017] MLJU 1191; [2017] 1 LNS 1174, MR (dirujuk)
Jonaidi bin Mansor v PP [2002] 2 MLJ 111; [2002] 1 CLJ 767, MR (dirujuk)
Khoon Chye Hin v PP [1961] 1 MLJ 105b, MR (dirujuk)
Looi Kow Chai & Anor v PP [2003] 2 MLJ 65; [2003] 1 CLJ 734, MR (dirujuk)
Magendran a/l Mohan v PP [2010] 6 MLJ 619; [2010] 5 CLJ 390, MR (dirujuk)
Mohamad Radhi bin Yaakob v PP [1991] 3 MLJ 169; [1991] 1 CLJ Rep 311, MA (dirujuk)
Mohamed Yatim bin Abu Bakar v PP [1950] 1 MLJ 57 (dirujuk)
Mohammad bin Hasaan v PP [1998] 5 MLJ 65, MT (dirujuk)
Munusamy Vengadasalam v PP [1987] CLJ Rep 221; [1987] 1 CLJ 250, MA (dirujuk)
Ng Chong Wan v PP [2011] MLJU 1550, MR (dirujuk)
Pie bin Chin v PP [1985] 1 MLJ 234 (dirujuk)
PP v Abdul Rahman bin Akif [2007] 5 MLJ 1, MP (dirujuk)
PP v Datuk Haji Harun bin Haji Idris (No 2) [1977] 1 MLJ 15 (dirujuk)
PP v Ho Sek Kong [2006] 2 MLJ 81; [2006] 5 CLJ 49, HC (dirujuk)
PP v Lim Chsung Meng & Anor and another appeal [2015] MLJU 2234; [2015] 1 LNS 1226, MR (dirujuk)
PP v Mohd Irwan bin Sulaiman [2009] 1 MLJ 117, MT (dirujuk)
PP v Mohd Radzi bin Abu Bakar [2005] 6 MLJ 393; [2006] 1 CLJ 457, MP (dipertimbangkan)
PP v Ni Koming Yuningsih [2017] MLJU 781; [2017] 1 LNS 720, MR (dirujuk)
PP v Saimin & Ors [1971] 2 MLJ 16 (dirujuk)
PP v Zulkifli bin Arshad [2011] 1 MLJ 599; [2010] 6 CLJ 121, MP (dirujuk)
Siew Yoke Keong v PP [2013] 3 MLJ 630; [2013] 4 CLJ 149, MP (dirujuk)
Sakri bin Yusof v PP [2011] 4 MLJ 714, MR (dirujuk)
Saminathan & Ors v PP [1955] 21 MLJ 121 (dirujuk)
Shahrizal bin Abdul Ghani v PP [2014] 1 MLJ 769; [2014] 1 CLJ 70, MR (dirujuk)
Tan Kim Ho & Anor v PP [2009] 3 MLJ 151; [2009] 3 CLJ 236, MP (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Dadah Berbahaya 1952 ss 37(d), (da), (da)(iiia), (da)(xvi), 37A, 37A(1)(b), 39B(1)(a), (2), Jadual Pertama
Kanun Tatacara Jenayah ss 173(f), 180

Noor Azrul bin Abdul Rahman (Timbalan Pendakwa Raya, Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri Pulau Pinang) bagi pihak pendakwa raya.
Puven (Kumar bersamanya) (The Chambers of Kumar & Puven) bagi pihak perayu.

Abdul Wahab PK:

PENGENALAN

[1] OKT di dalam kes ini telah dituduh mengedar dadah berbahaya menurut s 39B(1)(a) ADB 1952, yang boleh dihukum mati mandatori di bawah s 39B(2) Akta yang sama. Pertuduhan terhadap OKT adalah seperti berikut:

> Bahawa kamu, pada 06/07/2015, jam lebih kurang 02.20 pagi, di kawasan Jalan Raja Uda, Butterworth, di dalam Daerah Seberang Perai Utara, di dalam Negeri Pulau Pinang, telah mengedar dadah berbahaya iaitu Heroin dan Monoacetylmorphines seberat 17.13 gram dan dengan itu kamu telah melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan boleh dihukum di bawah seksyen 39B(2) Akta yang sama.

[2] Pihak pendakwaan telah memanggil seramai 11 orang saksi untuk membuktikan kes prima facie sebagaimana yang telah diperuntukkan di bawah s 180 KTJ.

RINGKASAN FAKTA KES

[3] Pada 6 Julai 2015, jam lebih kurang 2.20 pagi, pengadu ('SP6') bersama lima anggota CPJ Balai Polis Butterworth, Pulau Pinang, membuat tugas rondaan cegah jenayah di kawasan Jalan Raja Uda, Butterworth, Pulau Pinang telah nampak sebuah kereta jenis Axia berwarna hijau, bernombor pendaftaran WB1847G (eksh P8) yang dinaiki oleh OKT dalam keadaan mencurigakan di mana kereta tersebut telah berhenti di tengah jalan.

[4] SP6 mendapati lampu besar hadapan kereta tersebut masih menyala tetapi *'emergency light signal' tidak dinyalakan*. Jarak SP6 dengan kereta tersebut lebih kurang dua meter. SP6 dan anggota telah menghampiri kereta tersebut dan nampak OKT sedang berada di kerusi pemandu kereta. Cermin-cermin dan pintu-pintu kereta dalam keadaan tertutup. Tidak ada kereta lain di lokasi kejadian.

[5] SP6 ketuk cermin tingkap di bahagian pemandu, dan SP6 dapat lihat OKT dalam keadaan khayal, sedar tak sedar. SP6 buka pintu di bahagian pemandu dan panggil OKT sekali lagi. OKT terkejut apabila nampak SP6 berada di sebelah beliau. SP6 memperkenalkan diri sebagai polis kepada OKT dengan menunjukkan kad kuasa.

[6] SP6 kemudian mengarahkan OKT keluar daripada kereta tersebut. OKT kemudiannya menyerahkan kad pengenalan kepada SP6. Pemeriksaan

badan terhadap OKT telah dilakukan dan menjumpai pada pinggang sebelah kanan OKT, terdapat satu pasang gari bersama satu sarung gari berwarna hitam.

[7] SP6 kemudiannya meminta salah seorang anggota iaitu L/Kpl Jafni mengawal OKT. SP6 nampak sebuah beg hitam (eksh P13) di tempat duduk penumpang hadapan kereta tersebut ketika SP6 berdiri di pintu sebelah kanan pemandu kereta tersebut. SP6, bersama-sama L/Kpl Jafni dan OKT telah pergi ke pintu hadapan sebelah kiri kereta tersebut dan membuka pintu kereta.

[8] SP6 telah menjumpai di atas tempat duduk penumpang sebelah pemandu satu beg berwarna hitam (eksh P13), setelah diperiksa didapati di dalamnya terdapat satu paket plastik berwarna 'silver' (eksh P14(b)) di bahagian tengah beg tersebut. Turut berada di bahagian tengah beg tersebut, ialah wang tunai bercampur-campur berjumlah RM2,181 (eksh P24).

[9] SP6 telah bertanyakan kepada OKT apakah isi kandungan paket plastik *silver* yang ditutup dengan kemas ('sealed'). OKT memberitahu SP6 'dadah satu paun'. Untuk memastikan isi kandungannya, SP6 kemudian telah mengoyakkan sedikit di bahagian hujung plastik *silver* tersebut (eksh P14(c)) mendapati terdapat ketulan kecil dalam plastik *silver* tersebut iaitu dadah jenis heroin. Semasa SP6 membuat pemeriksaan, OKT berada bersama-sama SP6 menyaksikan pemeriksaan dibuat.

[10] SP6 seterusnya membuat pemeriksaan lanjut di dalam kereta tersebut dan hasilnya turut dijumpai satu bilah pedang bersama sarung berwarna hitam di bahagian atas tempat duduk belakang, satu bilah kapak kecil di bawah tempat duduk pemandu bahagian hadapan dan satu buku lima di bawah tempat duduk pemandu bahagian hadapan. Turut dirampas kereta (eksh P8) dan kunci kereta (eksh P9(a) dan (b)).

[11] Barang kes beg hitam, duit serta plastik *silver* mengandungi dadah heroin dipegang dan dikawal oleh SP6 manakala barang rampasan lain dipegang dan dikawal oleh anggota serbuan. Seterusnya L/Kpl Jafni telah memasang gari terhadap OKT. SP6 telah membawa barang kes yang dipegang beliau dan juga OKT ke Balai Polis Butterworth.

[12] Pada jam 5.50am, setibanya di JSJN IPD SPU, OKT telah dibawa untuk menjalani proses ujian saringan awal urine. Ujian saringan awal sahkan *urine* OKT mengandungi dadah jenis 'Amp' dan laporan polis telah dibuat oleh SP6 iaitu Kepala Batas Repot 4195/15.

[13] Seterusnya, semua barang kes yang dirampas oleh SP6 serta OKT diserahkan kepada pegawai penyiasat iaitu SP8 di JSJN IPD SPU pada jam lebih kurang 7.10 pagi.

KES PEMBELAAN

[14] Teras kes pembelaan adalah pada tarikh dan masa kejadian, OKT bersama-sama dengan rakan karib beliau bernama *En Mohd Akhbar Habibullah bin Baharuddin (SP7)* telah menaiki sebuah kereta jenis *Axia berwarna hijau No pendaftaran WB1847G (P8)* pergi membeli makanan di sebuah kedai makan nasi kandar di seberang kawasan Jalan Raja Uda, Butterworth Pulau Pinang. Pada ketika itu dikatakan SP7 turun untuk pergi membeli makanan, OKT duduk di tempat duduk bahagian pemandu sementara menunggu kepulangan SP7 membeli makanan.

[15] Selang beberapa ketika, datang sekumpulan pihak polis berbaju biasa (preman) menaiki motosikal yang telah membuat pemeriksaan dan telah menjumpai sebuah beg berwarna hitam (P13), di dalamnya mengandungi sebuah paket plastik 'silver' yang mengandungi dadah jenis heroin. Selain itu, pihak polis turut menemui wang tunai sejumlah RM2,181.

[16] OKT kemudiannya telah ditahan dan dibawa ke Balai Polis Butterworth dan kemudiannya ke IPD Kepala Batas.

[17] Bahawa dadah yang dijumpai di bawah kerusi penumpang kereta jenis Axia adalah milik SP7:

(a) tiada apa-apa barang peribadi milik OKT dijumpai dalam beg hitam (P13);

(b) tiada cap jari milik OKT dijumpai pada paket berwarna *silver* (P14(b));

(c) tiada tindakan susulan dilakukan seperti membawa OKT ke rumah untuk semakan lanjut;

(d) OKT tidak ada apa-apa rekod jenayah lampau; dan

(e) SP7 mempunyai rekod jenayah lampau bagi kesalahan memiliki dadah dan kini juga sedang berada dalam tahanan penjara Alor Setar.

INTI PATI YANG PERLU DIBUKTIKAN

[18] Inti pati di dalam s 39B(1)(a) ADB adalah jelas yang mana menggariskan seperti berikut:

(a) dadah tersebut tersenarai di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952 dan dengan berat seperti yang dinyatakan di dalam pertuduhan;

(b) dadah yang dirampas ada di dalam milikan OKT mempunyai jagaan dan kawalan ke atas dadah tersebut serta mempunyai pengetahuan bahawa dadah tersebut adalah dadah berbahaya; dan

(c) OKT telah mengedarkan dadah tersebut.

KES PRIMA FACIE

[19] Menjadi tugas dan tanggungjawab saya untuk menganalisa dan memberi pertimbangan semula ke atas semua keterangan saksi-saksi, soal balas soal balas yang dikemukakan oleh peguam OKT dan juga eksibit-eksibit yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan sama ada pihak pendakwaan telah membuktikan kes prima facie terhadap OKT dengan menggunapakai ujian penilaian maksima ke atas semua keterangan saksi pendakwaan.

[20] Saya memperingati diri saya bahawa tugas dan kewajipan statutori yang diletakkan kepada mahkamah yang membicarakan sesuatu kes di akhir kes pendakwaan termaktub dalam ss 180 dan 173(f) Kanun Tatacara Jenayah ('KTJ'). Kedua-dua seksyen memperkatakan perkara dan kedudukan yang sama. Bagi tujuan seksyen-seksyen ini 'a prima facie case is made out against the accused where the prosecution has adduce credible evidence proving each ingredient of the offence which if unrebutted would warrant a conviction, if unrebutted or explained would warrant a conviction'. Perkataan 'prima facie' yang terdapat dalam s 180 tidak diberikan terjemahan statutori tetapi perkataan ini telah diperjelaskan pemahamannya melalui pengumuman di dalam prinsip kehakiman.

[21] Di dalam kes *Looi Kow Chai & Anor v Public Prosecutor* [2003] 2 MLJ 65; [2003] 1 CLJ 734, YA Gopal Sri Ram HMR (pada ketika itu) telah memberikan penjelasan mengenai 'prima facie' berlandaskan s 180 KTJ seperti berikut:

> In our respectful view the correct test to be applied in determining whether a prima facie case has been made out under s 180 of the Criminal Procedure Code (an this would apply to a trial under s 173 of the Code) is that as encapsulated in the judgment of Hashim Yeop Sani FJ (as he then was) in *Dato' Mokhtar bin Hashim & Anor v PP* [1983] 2 MLJ 232 at p 270:
>
> > To summarise, it would therefore appear that having regard to the prosecution evidence adduced so far, a prima facie case has not been established against Nordin Johan and Abdul Aziz Abdullah, the second accused and the fourth accused which, failing their rebuttal, would warrant their conviction. In other words if they elect to remain silent now (which I hold they are perfectly entitled to do so even though they are being tried under Emergency Regulations) the question is can they be convicted of the offence of s 302 read with s 345 of the Penal Code? My answer to the question is in the negative.
>
> We are confident in the view we have just expressed because we find nothing in the

A amended s 180 of the Criminal Procedure Code that has taken away the right of an accused person to remain silent at the close of the prosecution case. Further we find nothing in the legislative intention of Parliament as expressed in the language employed by it to show that there would be a dual exercise by a judge under s 180 when an accused elects to remain silent as happened in *Povana v PP* [1984] 1 MLJ
B 77. In other words we are unable to discover anything in the language of the recently formulated s 180 that required a judge sitting alone first to make a minimum evaluation and to make a maximum evaluation in deciding whether to convict or not at the close of the prosecution case.

It therefore believe that there is only one exercise that, that a judge sitting alone
C under s 180 of the Code has to undertake to the close of the prosecution case. He must subject the prosecution evidence to maximum evaluation and to ask himself the question. If I decide to call upon the accused to enter his defence and he remains silent, and I prepared to convict him on the totality of the evidence contained in the prosecution case? If the answer is in the negative then no prima facie case has been
D made out and the accused would be entitled to an acquittal.

[22] Perkataan 'prima facie' telah diberikan pengertian lanjut yang membawa kepada kefahaman yang sama seperti mana dalam kes *Balachandran v Public Prosecutor* [2005] 2 MLJ 301; [2005] 1 CLJ 85 Augustine Paul JCA
E (pada ketika itu) membuat keputusan seperti berikut:

A prima facie case as therefore one that is sufficient for the accused to be called upon to answer. This in turn means that the evidence adduced must be such that it can be overthrown only by evidence in rebuttal. The phrase 'Prima facie case' is defined in similar terms in *Mozley and Whiteley's Law Dictionary* 11th Ed as:

F
> A litigating party is said to have a prima facie case when the evidence in his favor is sufficiently strong for his opponent to be called to answer it. A prima facie case then, is one which is established by sufficient evidence, and can be overthrown only by rebutting evidence adduced by the other side.

The result is that the force of the evidence adduced must be such that, if unrebutted,
G it is sufficient to induce the court to believe in the existence of the facts stated in the charge or to consider its existence so probable that a prudent man ought to act upon the supposition that those facts exist or did happen. On the other hand if a prima facie case has not been made out it means that there is no material evidence which can been made so it means that there is no material evidence which can be believed
H in the sense as described earlier. In order to make a finding either way the court must, at the close of the case for the prosecution, under take a positive evaluation, of the credibility and reliability of all the evidence adduced so as to determine whether the elements of the offence has been established.

I **[23]** Mahkamah Persekutuan dalam kes *Magendran a/l Mohan v Public Prosecutor* [2010] 6 MLJ 619; [2010] 5 CLJ 390 dalam penghakimannya di ms 16 (MLJ); ms 824 (CLJ), menyatakan seperti berikut:

[44] The test at the end of the prosecution's case is 'prima facie case' based on a maximum evaluation of evidence. The evidence has to be scrutinised properly and

not perfunorily, cursorily or superficially. If the evaluation of the evidence results in doubts in the prosecution's case, then a prima facie case has not been made out. The defence ought not to be called merely to clear or clarify such doubts.

[24] Seterusnya saya ingin membuat rujukan kepada kes *Public Prosecutor v Mohd Radzi bin Abu Bakar* [2005] 6 MLJ 393; [2006] 1 CLJ 457 di mana Mahkamah Persekutuan telah menetapkan tatacara yang perlu dipertimbangkan oleh mahkamah dalam menjalankan perbicaraan di akhir kes pendakwaan seperti berikut:

(i) the close of the prosecution's case, subject to the evidence led by the prosecution in its totality to a maximum evaluation. Carefully scrutinise the credibility of each of the prosecution's witnesses. Take into account at reasonable inferences that may be drawn from the evidence. If the evidence admits of two or more inferences, then draw the inference that is most favourable to the accused;

(ii) ask yourself the question; if I now call upon the accused to make his defence and he elects to remain silent am I repared to convict him on the evidence now before me? If the answer to that evidence is 'Yes' then a prima facie case has been made out and the defence should be called. If the answer is 'No' then;

(iii) prima facie case has not been made out and the accused should be acquitted;

(iv) after the defence is called, the accused elects to remain silent, then convict; and

(v) after defence is called, the accused elects to give evidence, then to through the steps set out in *Mat v PP* [1963] MLJ 263.

[25] Hasil dari pemahaman saya terhadap prinsip undang-undang yang dinyatakan di atas, maka adalah menjadi kewajipan hakim perbicaraan untuk menganalisa, menilai dan memberikan pertimbangan secara penilaian maksima terhadap kes pendakwaan dengan mengambil kira keterangan saksi-saksi pendakwaan, ekshibit-ekshibit yang dikemukakan dan soal balas yang diajukan oleh pihak pembelaan bersekali dengan hujahan pihak-pihak. Secara ringkasnya saya memperingati diri saya sendiri bahawa langkah-langkah yang telah diperincikan dalam kes *Public Prosecutor v Mohd Radzi bin Abu Bakar* perlulah dipatuhi dengan ketat.

DADAH TERSEBUT TERSENARAI DI BAWAH AKTA DADAH BERBAHAYA 1952 DAN DENGAN BERAT SEPERTI YANG DINYATAKAN DI DALAM PERTUDUHAN

[26] Semua barang kes yang dirampas berada dalam kawalan dan jagaan SP6 dari mula dirampas sehingga ianya diserahkan kepada pegawai penyiasat

(SP8). Seterusnya semua barang kes yang dirampas oleh SP6 serta OKT diserahkan kepada Pegawai Penyiasat iaitu SP8 di JSJN IPD SPU pada jam lebih kurang 7.10 pagi. SP8 membuat tandaan barang kes yang SP8 terima daripada SP6 iaitu dengan tandaan tandatangan SP8 dan juga tarikh 6 Julai 2015. Kemudian, SP8 telah memasukkan kesemua barang kes iaitu (1) beg warna hitam (ditanda M1) dan (1) paket plastik warna *silver* yang terdapat bahan-bahan disyaki dadah jenis heroin (ditanda sebagai M2), wang tunai campur-campur berjumlah RM2,181 (dua ribu satu ratus lapan puluh satu ringgit sahaja) dan dua kunci yang telah SP8 terima ke dalam kabinet besi yang berkunci di dalam pejabat SP8 yang mana hanya SP8 yang mempunyai akses kunci pejabat dan kabinet tersebut.

[27] Pada 8 Julai 2015, jam lebih kurang 10.15 pagi, SP8 telah tiba di Jabatan Kimia, Pulau Pinang dan telah menyerahkan barang kes bersama Pol 31 (eksh P12) yang telah SP8 sediakan kepada SP4 pada jam 10.38 pagi. SP8 telah diserahkan dengan Resit Rasmi Jabatan Kimia Malaysia bertarikh 8 Julai 2015 bernombor makmal 15-FR-P-03497 (eksh P15). Pada tarikh tersebut pada jam lebih kurang 10.38 pagi, ahli kimia (SP4) telah menerima satu beg barang kes PDRM bertanda 'AT1' daripada SP8. Beg barang kes PDRM tersebut mempunyai nombor siri 103983 dan berada dalam keadaan yang baik. Setelah diterima, beg barang kes PDRM tersebut disimpan di dalam kabinet berkunci milik SP4 yang berada dalam bilik kebal Seksyen Narkotik. Kunci kabinet SP4 ada di dalam kawalan SP4 manakala kunci bilik kebal dikawal oleh Ketua Seksyen Narkotik. Tiada pendua bagi kunci tersebut. Walaupun ada ekshibit lain pada masa itu bagi memastikan ekshibit tidak bercampur, setiap ekshibit mempunyai nombor makmal yang unik dan tanda masing-masing.

[28] SP4 mula menjalankan proses penimbangan dan tiga analisis kimia terhadap barang kes yang terdapat dalam beg barang kes PDRM bertanda 'AT1' tersebut pada 4 Ogos 2015. SP4 juga telah melakukan proses kalibrasi terhadap alat penimbang yang digunakan dengan menimbang batu penimbang yang telah diketahui beratnya sebelum proses penimbangan dimulakan.

Kemudian SP4 jalankan ujian-ujian berikut:

(a) ujian warna bertujuan untuk memeriksa kemungkinan kehadiran dadah dalam sesuatu sampel;

(b) ujian gas *chromatography mass spectrometer* (GCMS) merupakan ujian yang digunakan untuk mengesahkan jenis dadah berbahaya yang terdapat di dalam sesuatu sampel; dan

(c) ujian gas *chromatography flame ionisation detector* (GC-FID) adalah ujian kuantitatif.

[29] Setelah dianalisis, SP4 mendapati berat bersih bagi bahan ketulan dan serbuk yang terdapat di dalam paket plastik bertanda 'M2' yang terdapat di dalam beg barang kes PDRM bertanda 'AT1' tersebut ialah 349.94g yang mengandungi 14.97g heroin dan 2.16g monoacetylmorphines. Heroin dan monoacetylmorphines disenaraikan dalam Jadual Pertama Akta Dadah Berbahaya 1952.

[30] SP4 telah menyediakan satu laporan kimia bernombor makmal 15-FR-P-03497. Pada 18 February 2016 jam 2.40 petang SP4 telah menyerahkan semula beg barang kes PDRM bertanda 'AT1' tersebut bersama tiga salinan laporan kimia kepada SP8. Keadaan barang kes semasa diserahkan kepada SP8 adalah baik dan berseal dengan label keselamatan JABATAN KIMIA MALAYSIA. Dari tarikh penerimaan sehingga diserahkan semula, barang kes ini tidak pernah dikeluarkan oleh orang lain dan sentiasa berada di bawah kawalan SP4.

[31] Pada 18 Februari 2016, jam 2.40 petang, SP8 telah mengambil semula barang kes yang telah diserahkan ke Jabatan Kimia Malaysia Pulau Pinang daripada SP4. SP8 telah diserahkan dengan barang kes dan tiga salinan Laporan Kimia No Makmal 15-FR-P-03497 (eksh 16).

[32] Pada 18 Februari 2016, jam lebih kurang pukul 5 petang, SP8 telah menyimpan barang kes yang diambil daripada SP4 bersama-sama laporan kimia (eksh P16) di dalam kabinet besi di dalam bilik pejabat SP8 di BSJND IPD SPU. Hanya SP8 ada kunci dan akses kepada peti besi kabinet dan bilik pejabat SP8. Pada 7 Mac 2016 jam 2.30 petang, SP8 mendaftarkan barang kes iaitu satu plastik lutsinar Barang Kes PDRM bertanda AT1, bersangkut Mak Mandin Report 002340-2341/15 yang berseal Jabatan Kimia Malaysia No Rujukan Makmal 15-FR-P-03497, dalam keadaan baik bersama Borang Penyerahan Barang Kes Untuk Disimpan Di Stor Eksibit (eksh P11); kepada SP3 di Setor Barang Kes Berpusat Kontinjen PDRM, Seberang Perai Utara, Kepala Batas, Pulau Pinang.

[33] Pada 7 Mac 2016 jam 2.30 petang, SP3 telah menerima barang kes daripada SP8 iaitu satu plastik lutsinar Barang Kes PDRM bertanda AT1, bersangkut Mak Mandin Report 002340-2341/15 yang berseal Jabatan Kimia Malaysia No Rujukan Makmal 15-FR-P-03497, dalam keadaan baik. SP8 turut menyerahkan sesalinan Borang Penyerahan Ekshibit kepada SP3. SP3 telah mendaftarkan barang kes tersebut di bawah Nombor Pendaftaran (N) 0269/15 di mana SP8 telah menandatangani pada Ruangan 15 buku tersebut. SP3 seterusnya telah menyimpan barang kes tersebut di stor.

[34] Berdasarkan rekod dari buku POL 261, SP3 sahkan barang-barang kes ini tidak pernah dikeluarkan kecuali untuk tujuan perbicaraan di mahkamah.

[35] Pengendalian barang kes yang melibatkan saksi-saksi pendakwaan menunjukkan bahawa tidak ada putusnya rantaian keterangan mengenai barang kes sebelum dihantar kepada SP4 malahan sehingga dikemukakan ke mahkamah ini. Rujuk kepada kes *Shahrizal bin Abdul Ghani v Public Prosecutor* [2014] 1 MLJ 769; [2014] 1 CLJ 70 yang menyatakan sedemikian:

> The exhibit recovered or seized by the police was the same exhibit sent to and examined by the deceased and subsequently produced in the court as evidence. The prosecution had adduced sufficient evidence in respect of every link in the chain of custody, from the moment the exhibit was recovered by the police up to the time it was produced in the court. The witnesses had described how and from whom it was received, where it was and what happened to it while in the witnesses' custody, the condition in which it was received and the condition in which it was handed over to the next link in the chain of custody. (para 44).

[36] SP4 merupakan seorang ahli kimia yang masih di dalam perkhidmatan. Oleh itu, keterangan pakar kimia ini boleh diterima oleh mahkamah yang mulia ini kerana ianya sempurna dan tiada kecacatan. SP4 merupakan seorang ahli kimia yang bertauliah dan menjelaskan secara terperinci analisa yang telah dijalankan olehnya. Rujuk kepada kes *Munusamy Vengadasalam v PP* [1987] CLJ Rep 221; [1987] 1 CLJ 250:

> As a rule, a chemist in drug cases does not give any opinion as to ownership, control or possession of the substance sent for analysis, but he merely reports the result of the chemical examination of the substance. The only reason for sending the exhibits to the chemist is to determine its identity and to confirm what other witnesses have suspected. This type of opinion must in our view be distinguished from opinions which are of very technical or complicated nature, such as those given by handwriting, trademark, copyright or ballistic experts. Without being derogatory it is common knowledge that even animals, such as snuff dogs when sufficiently trained, are able to detect certain dangerous drugs. We are therefore of the view, that in this type of cases where the opinion of the chemist is confined only to the elementary nature and identity of substance, the court is entitled to accept the opinion of the expert of its face value, unless it is inherently incredible or the defence calls evidence in rebuttal by another expert to contradict the opinion.

[37] Berdasarkan kepada pemerhatian saya ini, adalah menjadi keputusan saya bahawa dadah yang dirampas oleh SP6 sebagaimana pertuduhan adalah dadah sepertimana yang disenaraikan di bawah ADB 1952.

ELEMEN MILIKAN, PENJAGAAN DAN KAWALAN OKT TERHADAP DADAH YANG DITEMUI

[38] Teras kes pihak pendakwaan adalah SP6 dan anggota telah membuat pemeriksaan di dalam kereta tersebut yang dipandu oleh OKT telah menjumpai di atas tempat duduk penumpang sebelah pemandu satu beg berwarna hitam, di dalamnya terdapat satu paket plastik berwarna 'silver'.

Setelah dibuka didapati terdapat bahan-bahan disyaki dadah jenis heroin. Turut berada di dalam beg tersebut ialah wang tunai bercampur-campur berjumlah RM2,181.

[39] Pemeriksaan oleh SP6 dibuat di hadapan OKT yang mana OKT dikawal oleh L/Kpl 169753 Nor Jafni bin Mohamed. Apabila barang kes ditemui, OKT menunjukkan reaksi terkejut. SP6 telah bertanya kepada OKT apakah isi kandungan paket plastik *silver* yang ditutup dengan kemas ('sealed'). OKT memberitahu SP6 'dadah satu paun'. Untuk memastikan isi kandungannya, SP6 kemudian telah mengoyakkan sedikit di bahagian hujung plastik *silver* tersebut (eksh P14(c)) dan mendapati terdapat ketulan kecil dalam iaitu dadah jenis heroin. SP6 menyatakan semasa SP6 membuka beg hitam tersebut OKT dalam keadaan terkejut. Semasa SP6 buat pemeriksaan, OKT berada bersama-sama SP6 menyaksikan pemeriksaan dibuat.

[40] Berdasarkan kepada matriks fakta dalam kes ini melibatkan dadah yang dijumpai di dalam kereta di mana OKT berada di dalam kereta semasa tangkapan dan rampasan dibuat maka saya asaskan analisa keterangan pihak pendakwaan dan pembelaan OKT dengan berpandukan kepada prinsip undang-undang dalam kes *Siew Yoke Keong v Public Prosecutor* [2013] 3 MLJ 630; [2013] 4 CLJ 149 Ahmad Maarop HMP (pada ketika itu) memutuskan seperti berikut:

> [35] So, in our judgment in the circumstances of this case, the presence of the ladies clothing (two female upper garments and two pairs of female jeans) along with male clothing in the third room of the first house does not mean that no possession was established against Siew. *The crucial question is whether Siew was so situated with respect to the proscribed drugs found in the second and third rooms of the first house that he had the power to deal with the drugs as owner to the exclusion of all other persons, and when the circumstances are such that he may be presumed to intend to do so in case of need. In other words, Siew must be so situated that he can deal with the proscribed drugs as if it belonged to him, and it must be shown that he had the intention of dealing with it as if it belonged to him should he see any occasion to do so (he had animus possidendi).* Invariably this is a fact which can only be proved by inference from surrounding circumstances of this case. It must be clear from the circumstances in which the proscribed drugs were found, that Siew had the intention of dealing with the drugs as if they belonged to him. The list of such possible circumstances is not exhaustive. One example of such circumstances given by Thompson J in *Chan Pean Leon* is a case where an article is found in a locked room where one holds the key. In the present case, Siew was in possession of the keys to the locked first house in which large amount of dangerous drugs were found in two locked rooms; the keys to which were kept at the locations known to Siew ...
>
> ...
>
> [37] ... The question is what is the combined effect of all the circumstantial which we have set out? Where did the totality and the total effect of all the evidence lead

the court to? Did it not lead to the inevitable, and the only conclusion that Siew was found in possession of the proscribed drugs? In our judgment the answer to the above question must be in the affirmative. *Siew was so situated with respect to the proscribed drugs found in the second and the third rooms in the first house that he had the power to deal with it as owner to the exclusion of all other persons, and when the circumstances are such that he may be presumed to intend to do so in case of need* (*PP v Denish Madhavan* and *Chan Pean Leon v PP* applied). The learned trial judge was right when he held that the prosecution had proved actual possession of the proscribed drugs against Siew. Having made the affirmative finding of possession, and as the amount of dangerous drugs in this case was more than 15g, the learned trial judge invoked (and in our view rightly) the presumption of trafficking under s 37(da) of the DDA. In our judgment, the learned trial judge was right in calling upon Siew to enter on this defence on the charge of trafficking against him.

[41] Dalam kes *Public Prosecutor v Mohd Irwan bin Sulaiman* [2009] 1 MLJ 117 yang mana kes ini telah merujuk kepada kes-kes terbilang bagi membincangkan maksud 'possession':

> [24] The importance of the word 'possession' in relation to either drug-related offences created under the Dangerous Drugs Act 1952, or other statutory offences, makes it necessary for me to embark upon a relatively detailed discussion.
>
> In *Leow Nghee Lim v Reg* [1956] MLJ 28, the facts revealed that the police raided a coffee shop and, in the drawer of the counter, found a cigarette tin containing nine small packets of prepared opium. They arrested the shopkeeper, the appellant. The drawer was not locked; it contained about 15 small books, in which sales to credit customers were entered and other articles indicating that the appellant and his assistants had access to the drawer. The magistrate convicted the appellant on a charge of possession of chandu. On appeal, the conviction was set aside, essentially on the ground that the circumstances of the case are equally consistent with the possession being that of one of the assistants. At pp 30–31, Taylor J expounded as follows:
>
> (1) The word 'possession' is one of the most difficult of English words. It is derived from posse (to be able) and sedere (to sit or occupy). The fundamental concept is power of occupation, primarily referred to land, and later extended to the power of the user of a chattel;
>
> (2) The primary lay meaning of 'possess' is to hold as property, to own. However, the primary legal meaning of 'possess' is to have possession, as distinct from ownership. Hence, a 'man in possession' is one who really has only custody;
>
> (3) 'Possession' means possession irrespective of whether the possessor is the beneficial owner;
>
> (4) Probably, the most helpful definition of 'possession' is 'the relation of a person to a thing over which he may at his pleasure exercise such control as to the character of the thing admits, to the exclusion of other persons'. Although this definition does not express, it does imply that possession includes some element of knowledge, not necessarily full or exact

knowledge, but knowledge of the existence of a chattel and have some idea of its whereabouts before he can exercise any control over it;

(5) How much a man knows about things in, or apparently in, his possession is a matter of fact, to be inferred from all the circumstances;

(6) Without knowledge, there can be no possession, thereby importing mens rea as an essential element; and

(7) Possession may be joint but must be exclusive in the sense that the possessor or possessors must have the power to exclude other persons from enjoyment of the property.

[26] The ingredient of 'possession' in the context of assisting in the carrying on of a public lottery in contravention of s 4(1)(c) of the Common Gaming Houses Ordinance (now Act) 1953, was analysed in *Chan Pean Leon v Public Prosecutor* [1956] MLJ 237. The relevant facts were that the police raided a shop which belonged to a partnership of which the appellant was a member-cum-cashier. He was sitting at a small counter at the back of the shop. In front of him was a small notebook containing 50 sheets of smooth paper and 50 sheets of rough paper bound alternately, the sheets of smooth paper being perforated near the binding so as to permit easy removal. Nothing was written on any of these sheets. In a wastepaper basket beside the appellant was found a day book filled with entries relating to trade transactions which had been transferred to other books of account and inside this was found a booklet similar to the one lying in front of the appellant. From this booklet, 17 of the smooth sheets were missing and the rough sheets corresponding to these missing sheets were inscribed with certain characters relating to characters lottery. There was evidence that a number of people besides the appellant had access to the wastepaper basket and that the table in front of him was used by other people. The learned magistrate convicted the appellant. On appeal, Thomson J (later LP) set aside the conviction on the ground, inter alia, that on the facts, the magistrate could not have come to the conclusion that possession had been made out against the appellant. At pp 238–240.

His Lordship enunciated the following principles:

(1) There can be no possession without knowledge and there can be no possession without some power of disposal but an essential ingredient of all possession is that there must be an intention as owner in case of need to exercise that power to the exclusion of other persons;

(2) The question of what amounts to 'possession' for the purposes of criminal law in reality involves two separate questions viz:

(1) whether the accused was in possession of the article in question; and

(2) by reason of the application of the maxim actus non facit reum nisi mens sit rea (the act and the mind must concur to constitute the crime), whether he had knowledge of the nature of the thing possessed;

(3) A moveable thing is said to be in the possession of a person when he is so situated with respect to it that he has the power to deal with it as owner to the exclusion of all other persons and when the

circumstances are such that he may be presumed to intend to do so in case of need, *Stephen's Digest* (9th Ed), at p 304; and

(4) A physical element and a mental element or *animus possidendi* must be present before possession is made out. While the physical element may be proved by direct evidence, the mental element ie intention is a matter of fact which in the nature of things cannot be proved by direct evidence, but by inference from the surrounding circumstances, and it is impossible to lay down any general rule.

[42] Sebelum saya membuat dapatan dan keputusan saya berkaitan dengan kawalan, jagaan dan milikan OKT ke atas dadah yang ditemui di dalam kereta, maka adalah menjadi tugas saya memberi pertimbangan ke atas kes pembelaan. Pembelaan antara lain telah berhujah bahawa kereta Axia (P8) bukan milik dan tidak didaftarkan sewaannya atas nama OKT pada masa kejadian. Sehubungan dengan itu, beg P13 yang mengandungi dadah bukan milik OKT. Pada peringkat ini, saya perlu menilai keterangan yang diberikan oleh oleh SP6 yang telah mengatakan bahawa SP6 telah merampas barang kes dan menangkap OKT. SP6 menyatakan tidak ada individu lain selain OKT semasa di lokasi kejadian dan lokasi kejadian adalah cerah kerana adanya pencahayaan daripada lampu jalan. Manakala penyewa kereta Axia (P8) iaitu SP7 memberi keterangan bahawa pada 18 Jun 2015, beliau telah menyewa kereta (eksh P8) daripada Sykt ZZI Evolution melalui pekerja syarikat (SP9) untuk tempoh masa tiga hingga empat hari. SP7 telah mengisi borang sewaan kereta (eksh P26). SP7 telah membayar deposit sebanyak RM100 kepada SP9. SP7 menyatakan beliau telah menggunakan kereta tersebut pada hari pertama manakala pada hari ketiga atau keempat, SP7 telah serahkan kereta tersebut kepada OKT untuk diserahkan semula kepada syarikat SP9. SP7 mengesahkan semasa beliau menyewa kereta daripada SP9 tiada apa-apa barang atau item di kerusi atau lantai kereta tersebut. SP7 juga sahkan ketika SP7 serahkan kepada OKT, SP7 tidak ada meninggalkan apa-apa barang milik SP7 di dalam kereta tersebut dan mengesahkan orang terakhir yang menggunakan kereta tersebut adalah OKT.

[43] SP9 menyatakan terdapat dua set kunci kereta tersebut. Satu set diserahkan kepada SP7 dan satu set lagi disimpan di syarikat SP9. Kadar sewaan kereta ialah RM120 sehari. SP9 mengesahkan sebelum menyerahkan kereta kepada SP7 tiada barang milik syarikat berada dalam kereta tersebut dan beliau tidak pernah melihat barang rampasan SP6 di dalam kereta tersebut. SP9 turut mengesahkan OKT ada datang membuat bayaran tambahan secara tunai kereta tersebut kepada SP9 dalam dua hingga tiga kali.

[44] Setelah memberi pertimbangan ke atas keterangan saksi-saksi pihak pendakwaan, adalah menjadi dapatan saya bahawa SP7 tidak menggunakan kereta P8 semasa tangkapan ke atas OKT dibuat. Kereta tersebut digunakan

oleh OKT pada masa kejadian di mana OKT seorang sahaja berada di dalam kereta. Sekiranya terdapat orang lain bersama OKT, saya percaya orang tersebut juga akan ditangkap. Lantas OKT mempunyai penjagaan dan kawalan ke atas kereta Axia P8 dan semua barang-barang yang telah dirampas oleh SP6 dari kereta Axia P8 pada masa kejadian dan tangkapan OKT.

[45] Pembelaan OKT bahawa beg P13 ditemui oleh SP6 di bawah kerusi penumpang bahagian hadapan kereta dan bukannya di atas kerusi penumpang hadapan sebagaimana keterangan SP6. Untuk ini, saya telah memberi pertimbangan ke atas keterangan yang dikemukakan oleh saksi bebas iaitu SP7, SP9, pemilik berdaftar kereta Axia (SP10) dan pemilik berdaftar Sykt ZZI Evolution (SP11) yang menjelaskan di mahkamah bahawa tidak ada barang-barang lain terutamanya beg hitam dalam kereta Axia yang ditinggalkan atau diletakkan oleh mereka dalam kereta tersebut. Tambahan pula, keterangan daripada SP7 adalah jelas bahawa kereta Axia digunakan oleh OKT beberapa hari sebelum tangkapan ke atas OKT dibuat. Manakala SP9 memberi keterangan bahawa OKT ada datang membuat bayaran tambahan secara tunai sebanyak dua atau tiga kali. Tidak ada sebab untuk saya tidak mempercayai keterangan SP7, SP9, SP10 dan SP11 kerana mereka tidak ada sebab untuk tidak bercakap benar dalam Mahkamah. Selain daripada itu pihak pembelaan tidak mengemukakan apa-apa sebab untuk saksi-saksi ini melakukan penganiayaan ke atas OKT. Keterangan yang diberikan oleh saksi-saksi pendakwaan adalah menyokong di antara satu sama lain. Sekalipun sekiranya mungkin terdapat satu dua percanggahan, namun ia tidak boleh dijadikan asas untuk mengatakan bahawa keseluruhan keterangan mereka perlu ditolak. Dalam kes *Pie bin Chin v Public Prosecutor* [1985] 1 MLJ 234 di ms 235, Wan Yahya J menekankan:

> Discrepancies are no doubt present in this case, as they do astensibly appear in most cases in evidence of witness for the prosecution as well as the defence. The transcripts of most evidence, when thoroughly tooth-combed by any able lawyer, never failed to yield some form of inconsistencies, discrepancies or contradictions *but these do not necessarily render the witness's entire evidence incredible*. It is only when a witness's evidence on material and obvious matters in the case is so irreconcilable, ambivalent or negational that his whole evidence is to be disregard.

[46] Dalam kes *Public Prosecutor v Datuk Haji Harun bin Haji Idris (No 2)* [1977] 1 MLJ 15, Raja Azlan Shah FJ menyatakan:

> ... In my opinion, discrepancies there will always be, because in the circumstances in which the event happened, every witness does not remember the same thing and he does not remember accurately every single thing that happened ... the question is whether the existence of certain discrepancies is sufficient to destroy their credibility. There is no rule of law that the testimony of a witness must either be believed in its entirety or not at all. A court is fully competent, for good and cogent reasons, to accept one part of the testimony of a witness and to reject the other.

[47] OKT mengemukakan pembelaan bahawa tiada keterangan sama ada SP6 dan KPL Jasni memperkenalkan diri sebagai polis dengan menunjukkan kad kuasa dan tiada keterangan sama ada SP6 membacakan kata-kata amaran di bawah s 37A(1)(b) ADB sebelum pemeriksaan ke atas badan OKT dilakukan.

[48] Saya telah meneliti nota keterangan dan saya dapati SP6 memberi keterangan seperti berikut:

> Kemudian saya ketuk tingkap sebelah kanan bahagian pemandu, seterusnya saya lihat satu lelaki ini dalam keadaan khayal sedar tak sedar macam tak sedarkan diri, kemudian saya telah cuba buka pintu hadapan sebelah pemandu apabila saya buka, saya panggil lagi sekali, jadi lelaki tersebut macam terkejut ketika menyedari saya ada di sebelah dia, kemudian saya perkenalkan diri polis dan menunjukan kad kuasa. Selepas itu saya arahkan lelaki ini keluar kenderaan dan apabila dia sudah keluar, saya minta lelaki tersebut menunjukan kad pengenalan diri, pemandu tersebut telah serahkan kad pengenalan diri beliau kepada saya ...

[49] Dari keterangan SP6 ini, saya dapati SP6 telah memperkenalkan diri sebagai polis dengan menunjukkan kad kuasa dan walaupun SP6 tidak membacakan kata-kata amaran di bawah s 37A(1)(b) ADB ini tidak merupakan sesuatu yang menyalahi undang-undang untuk SP6 terus menjalankan pemeriksaan ke atas badan OKT dan kereta Axia tersebut. Dengan ini hujahan peguam OKT berkaitan perkara ini tidak dapat dipertimbangkan oleh saya.

[50] Dalam masa yang sama, saya juga tidak menerima masuk sebagai sebahagian daripada keterangan kes pendakwaan ke atas jawapan yang diberikan oleh OKT 'dadah 1 pound' apabila ditanya oleh SP6 'apa barang dalam ini' kerana SP6 tidak membacakan kata-kata amaran di bawah s 37A(1)(b) ADB.

[51] Peguam OKT berhujah bahawa tidak ada cap jari OKT pada beg hitam P13 dan plastik *silver* (P14(a)) dan OKT tidak ada kesalahan lampau. Ini menunjukkan bahawa dadah yang dijumpai di dalam kereta Axia P8 bukan milik OKT. Berkenaan hujahan ini, keseluruhan matriks fakta di mana dadah ditemui dan di mana OKT berada pada ketika itu perlulah diberikan pertimbangan dan dapatan telahpun dibuat. Keperluan keterangan cap jari hanya bersifat sokongan dan saya berpendapat bahawa dadah ditemui sangat hampir dengan tempat di mana OKT berada. Sehubungan dengan itu, ketiadaan keterangan berkaitan cap jari tidak melemahkan kes pendakwaan. *Bebou Akpo Bouraima lwn Pendakwa Raya* [2017] MLJU 477; [2017] 1 LNS 511, Mahkamah Rayuan membuat keputusan berikut:

> [44] Peguambela yang bijaksana juga berhujah kegagalan pihak pendakwaan untuk mengemukakan sebagai keterangan laporan forensik berkaitan dengan telefon dan

kad SIM ang dihantar oleh SP5 kepada pasukan forensik mewajarkan s 114(g), Akta Keterangan 1950, di 'invoked' memihak kepada pihak pembelaan. Walau bagaimanapun, pada hemat kami, keterangan laporan forensik ini seperti juga keterangan cap jari dan profil DNA, hanyalah bersifat keterangan sokongan sahaja. Ketiadaannya atau kegagalan pihak pendakwaan untuk mengemukakannya sebagai keterangan tidak memudaratkan kes pendakwaan dalam keadaan di mana wujud keterangan langsung yang menunjukkan keterlibatan dan kebersalahan perayu — sila lihat *PP v Mohd Rashid Mansor & Anor* [1997] 1 CLJ 233. Dalam kes di hadapan kami, keterangan jelas menunjukkan perayu ditangkap ketika membawa dadah yang terkandung di dalam beg tersebut. Dari fakta ini jelas ketiadaan laporan forensik tersebut tidak menyebabkan wujudnya kelompangan yang mampu meruntuhkan kes pendakwaan.

[52] Dalam kes *PP v Ni Koming Yuningsih* [2017] MLJU 781; [2017] 1 LNS 720 Mahkamah Rayuan telah membuat keputusan berikut:

[23] It was also urged upon us that there was a gap in the prosecution's case as they have failed to investigate the telephone numbers, messages and did not do finger print test, DNA test or nail clippings test. Such investigations, if had been done, would have shown that the respondent is an innocent carrier. SP9 had explained that he did look for the said John Amadi at the arrival hall of LCCT with four other officers but to no avail. Efforts taken by SP9 to investigate the telephone numbers and the email address of John Amadi turned out to be futile. The DNA evidence or fingerprint lifting are only corroborative in nature when all other important ingredients of the offence, ie custody and control, and knowledge are proven. There are ample evidence implicating the respondent with the commission of the offence and rendering the DNA evidence or fingerprint lifting to be of little relevance (see *Yeo Kwee Huat v Public Prosecutor* [2011] 5 CLJ 630).

[53] OKT juga telah menimbulkan pembelaan bahawa dadah yang ditemui adalah dalam milikan SP7 kerana SP7 berada bersama-sama OKT dalam kereta Axia. Semasa kejadian, kereta Axia berada di tempat kejadian kerana menunggu SP7 balik dari membeli makanan di kedai makan berhampiran tempat kejadian. Saya telah meneliti keterangan SP6 dan saya berpendapat adalah tidak munasabah untuk kereta Axia diparkir ditengah jalan sementara menunggu SP7 kembali ke kereta dan OKT pula berada dalam keadaan sedar dan tidak sedar. Manakala lampu besar hadapan kereta tersebut masih menyala dan tiada dinyalakan 'emergency light signal'. Kedudukan kereta Axia di tengah jalan begini sangat membahayakan pengguna jalanraya yang lain. Sekiranya benar apa yang diketengahkan olah OKT, kereta Axia sepatutnya diparkir di tepi jalan berhampiran dengan kedai makan yang dikatakan. Keterangan SP7 pula mengatakan bahawa beliau telah memberikan kereta Axia yang digunakan oleh OKT selepas dua atau tiga hari SP7 menyewa kereta tersebut. Sehubungan dengan itu, saya tidak dapat menerima cerita pembelaan ini.

[54] Lanjutan dari semua pemerhatian saya di atas, adalah menjadi dapatan

saya bahawa beg hitam P13 yang ditemui dan dirampas oleh SP6 berada di atas kerusi penumpang hadapan kereta Axia dan bukannya di bawah tempat duduk penumpang hadapan sebagaimana pembelaan OKT.

[55] Berdasarkan kepada pemerhatian-pemerhatian saya di atas saya juga berpendapat bahawa SP6 dan anggota menghampiri kereta tersebut yang mana lampu dan enjin kereta tersebut masih hidup (berfungsi). SP6 telah mengetuk cermin kereta sebelah pemandu. OKT telah membuka pintu kereta tersebut dan meminta OKT keluar dari kereta tersebut. Cermin-cermin dan pintu-pintu kereta berada dalam keadaan tertutup. Pencahayaan lokasi kejadian adalah terang oleh kerana ada cahaya lampu jalan. Hanya OKT sahaja berada di dalam kereta tersebut. SP6 tidak nampak sesiapa yang lain berada di kereta tersebut bersama-sama OKT. Barang kes iaitu dadah dijumpai berada di dalam beg hitam yang terletak di atas kerusi penumpang hadapan kereta dipandu oleh OKT iaitu bersebelahan OKT sahaja sebegitu hampir. OKT terkejut apabila SP6 jumpa paket plastik *silver* yang mengandungi dadah di dalam beg hitam tersebut.

PENGETAHUAN OKT TERHADAP DADAH YANG DITEMUI

[56] Pada ketika kejadian dan tangkapan berlaku OKT mempunyai penjagaan dan kawalan ke atas kereta Axia tersebut dan secara lansung OKT mempunyai jagaan dan kawalan ke atas semua barang-barang di dalam kereta tersebut. Ini kerana semasa kejadian, OKT merupakan pemandu kereta tersebut dan tiada sebarang individu lain yang dilihat keluar dari kereta tersebut menurut keterangan SP6. Beg hitam yang mengandungi dadah tersebut mudah dilihat oleh OKT kerana ia berada di atas kerusi penumpang hadapan dan bukannya berada di ruang yang tersorok di dalam kereta tersebut. Pada bila-bila masa sahaja OKT boleh membuka beg hitam yang berada bersebelahan dengan OKT. Oleh itu, Inferens menunjukkan OKT mempunyai kuasa untuk 'deal' dan 'dispose' barang kes memandangkan barang kes bersebelahan OKT, OKT boleh ambil tahu isi kandungan plastik *silver* tersebut kerana hanya OKT sahaja berada di dalam kereta tersebut ketika tangkapan dibuat. Saya merujuk kepada keputusan Mahkamah Rayuan dalam kes *Public Prosecutor v Lim Chsung Meng & Anor and another appeal* [2015] MLJU 2234; [2015] 1 LNS 1226 seperti berikut:

> [25] It is perhaps convenient at the outset to briefly state the law on 'possession' where the drugs were found in a place/area under the control of an accused. A determination of whether there is 'possession' depends on the particular facts of each case. Factors that used to be considered in determining whether an accused is in possession of the drugs found in a place/area under his or her control include his or her knowledge that the drugs were in the place/area, his or her access to the place/area where the drugs were found and his or her physical proximity to the drugs.
>
> [26] The possession prohibited by law need not be actual physical custody and

control of the drugs; it is sufficient if the prosecution proves that the accused had knowledge of its presence and the power and intent to control its disposal. Further, possession need not be exclusive; a person may be deemed to be in joint possession of a drug which is in the physical custody and control of another person, if he or she willfully shares with the other the right of control over the drug.

[27] As a matter of common sense, there is a strong inference that a person who is the sole occupant of a house or apartment has custody or control over anything in the house or apartment. Where the drugs are found in a dwelling house, then it would be reasonable to infer that the sole occupant knowingly possessed the drugs. On the other hand, where there is more than one person living at the residence, there must be some additional evidence to prove the guilt of each of the accused. While association between the accused may be relevant, association alone is never sufficient to prove guilt beyond a reasonable doubt (see *Leow Nghee Lim v Reg* [1956] 22 MLJ 28; [1955] 1 LNS 53; *Chan Pean Leon v Public Prosecutor* [1956] MLJ 237; [1956] 1 LNS 17; *Yee Ya Mang v Public Prosecutor* [1972] 1 MLJ 120; [1971] 1 LNS 156; *Public Prosecutor v Badrulsham bin Baharom* [1987] 1 LNS 72).

[57] Dalam apa jua keadaan sekalipun, untuk membuktikan OKT mempunyai pengetahuan, bagi melengkapkan inti pati milikan, saya bergantung kepada pemakaian anggapan di bawah s 37(d) Akta Dadah Berbahaya 1952. Secara ringkasnya seksyen tersebut menyatakan sesiapa yang berada di dalam jagaan atau di dalam kawalannya dadah berbahaya adalah dianggap mempunyai pemilikan dadah tersebut dan dianggap mempunyai pengetahuan akan 'nature' dadah tersebut.

[58] Dengan mengguna pakai prinsip pemilikan seperti di atas dan juga atas dasar saya mengguna pakai anggapan di bawah s 37(d) ADB 1952, maka adalah diputuskan bahawa OKT mempunyai milikan dan kawalan terhadap dadah yang dijumpai di dalam kereta tersebut. Ini telah dijelaskan di dalam kes *Jonaidi bin Mansor v Public Prosecutor* [2002] 2 MLJ 111; [2002] 1 CLJ 767 di mana mahkamah telah menyatakan:

s 37(d) is applicable whenever a person is found to have in his custody or control anything containing dangerous drugs. This section evisages by the use of the word 'anything' that the drugs were contained in a container or receptacle. Once it is established by the prosecution that the accused had in his custody or control the container containing the drugs, the accused is deemed to be in control of the drugs. In such a case, there is no need for the prosecution to go any further to prove knowledge of the drugs on the part of the accused. Though knowledge is an essential ingredient of the offence of possession, the need to establish knowledge as a separate ingredient is dispensed with by the fact that the prosecution by establishing custody or control has activated the presumption of possession.

Rujukan juga dibuat ke atas keputusan *Public Prosecutor v Abdul Rahman bin Akif* [2007] 5 MLJ 1.

A OKT TELAH MENGEDAR DADAH

[59] Bagi pertuduhan di bawah s 39B(1)(a) ADB 1952, elemen pengedaran dibuktikan dengan pemakaian anggapan di bawah s 37(da)(iiia) ADB 1952 memandangkan di dalam kes ini elemen pemilikan dan pengetahuan telah dibuktikan melalui keterangan fakta secara langsung dan juga keterangan berkeadaan. Maka, anggapan di bawah s 37(da)(iiia) ADB 1952 adalah terpakai.

Seksyen 37(da)(iiia) ADB 1952 memperuntukkan:

> a total of 15 grammes or more in weight of heroin, morphine and monoacetylmorphines or a total of 15 grammes or more in weight of any two of the said dangerous drugs;
>
> ... shall be presumed, until the contrary is proved, to be trafficking in the said drugs

[60] Saya berpendapat, berdasarkan kapada fakta kes ini, pihak pendakwaan perlu bergantung kepada anggapan di bawah s 37(da)(xvi) untuk membuktikan terdapatnya kes prima facie bahawa OKT memiliki dadah methamphetamine lebih dari 50g bagi tujuan pengedaran. Dalam kes *Public Prosecutor v Zulkifli bin Arshad* [2011] 1 MLJ 599; [2010] 6 CLJ 121, Mahkamah Persekutuan telah membuat membuat keputusan seperti berikut:

> The same applies to the failure of the Court of Appeal for not applying the presumption under s 37(da)(vi). Be that as it may, we feel that on the evidence adduce by the prosecution, and upon the failure by the learned trial judge as well as the Court of Appeal to invoke the presumption, it is incumbent upon us to do so in accordance with the provision of s 37(d)(vi) of the Act.

[61] Setelah dianalisis, SP4 dapati berat bersih bagi bahan ketulan dan serbuk yang terdapat di dalam paket plastik bertanda 'M2' yang terdapat di dalam beg barang kes PDRM bertanda 'AT1' tersebut ialah 349.94g yang mengandungi 14.97g heroin dan 2.16g monoacetylmorphines. Heroin dan monoacetylmorphines disenaraikan dalam Jadual Pertama Akta Dadah Berbahaya 1952 sebagaimana pertuduhan.

[62] Tidak dinafikan saya telah menggunakan angapan berganda (ss 37(d) dan 37(da)(xvi)) yang pemakaiannya dihalang oleh prinsip undang-undang yang telah diputuskan dalam kes *Mohammad bin Hasaan v Public Prosecutor* [1998] 5 MLJ 65. Walau bagaimanapun, saya berpendapat, ianya dibenarkan dan sah di segi undang-undang dengan adanya pindaan pada ADB 1952 iaitu melaui Akta A1457 yang berkuatkuasa pemakaiannya pada 15 Februari 2014 yang telah memasukan peruntukan baru iaitu s 37A. *Application of presumptions* yang berbunyi seperti berikut:

Notwithstanding anything under any written law or rule of law, a presumption may be applied under this Part in addition to or in conjunction with any other poresumption provided under this part or any othe written law.

[63] Dalam kes *Alma Nudo Atenza v Public Prosecutor* [2017] MLJU 884, Mahkamah Rayuan telah membuat pemerhatian dan keputusan berkaitan dengan penggunaan anggapan berganda seperti berikut:

[33] On the second issue, learned counsel's submission was that s 37A of the Act which enables the learned JC to invoke double presumption is unconstitutional and violates the principle of fair trial and erodes the presumption of innocence. In short, learned counsel argued that the invocation of double presumption had infringed the fundamental right under art 5(1) of the Federal Constitution which provides:

5(1) No person shall be deprived of his life or personal liberty save in accordance with law

[34] The double presumption was brought about by an Act of Parliament vide Dangerous Drugs (Amendment) Act 2014 (Act A 1457) which came into force on 15 February 2014. There is always a presumption in favour of the constitutionality of an enactment and the burden is upon the party who alleges otherwise to show that there has been a clear transgression of the constitutional principles. The Federal Court in *PP v Gan Boon Aun* [2017] 4 CLJ 41 held that:

[9] The first remark of the learned deputy public prosecutor before us was that the said constitutional issues presumed that s 122(1) was inconsistent with arts 5, 8, 7(2) and 121 of the Federal Constitution. His next remark was actually a reminder that there is a presumption on the constitutionality of an enactment which shifts the onus to the party who asserts otherwise to show the invalidity of the impugned provision (learned DPP cited *PP v Su Liang Yu* [1976] 2 MLJ 128; [1976] 1 LNS 113, *Ooi Kean Thong & Anor v PP* [2006] 2 CLJ 701, *Pihak Berkuasa Negeri Sabah v Sugumar Balakrishnan & Another Appeal* [2002] 3 MLJ 72; [2002] 4 CLJ 105). Indeed, 'as Jeevan Reddy J said in *State of Bihar & Ors v Bihar Distillery Ltd AIR* 1997 SC 1511: 'The approach of the court, while examining the challenge to the constitutionality of an enactment, is to start with the presumption of constitutionality. The court should try to sustain its validity to the extent possible. It should strike down the enactment only when it is not possible to sustain it'? (*Kerajaan Negeri Selangor & Ors v Sagong Tasi & Ors* [2005] 6 MLJ 289, per Gopal Sri Ram JCA, as he then was, delivering the judgment of the court; see also *Bato Bagi & Ors v Kerajaan Negeri Sarawak & Another Appeal* [2011] 6 MLJ 297; [2011] 8 CLJ 766). When there is a challenge to the constitutionality of a provision, the presumption in favour of constitutionality shifts the onus to the party who asserts otherwise to show that there has been a transgression of the Constitution (*PP v Su Liang Yu*, *Lee Keng Guan & Ors v PP* [1977] 2 MLJ 95; [1977] 1 LNS 53, *Mamat Daud & Ors v The Government of Malaysia* [1988] 1 MLJ 119; [1988] 1 CLJ 11; [1988] 1 CLJ Rep 197, *PP v Pung Chen Choon* [1994] 1 MLJ 566; [1994] 1 LNS 208, *Pihak Berkuasa Negeri Sabah v Sugumar Balakrishnan*, *Harmenderpall Singh Jagara Singh v PP* [2005] 2 MLJ 542; [2004] 1 LNS 555, *Sivarasa Rasiah v Badan Peguam Malaysia & Anor* [2006] 1 CLJ 139; [2006] 1 MLJ 727, *Ooi Kean*

Thong v PP, *Pengurusan Danaharta Nasional Berhad v Yong Wan Hoi & Anor* [2007] 1 LNS 188; [2007] 6 MLJ 709 *Mat Shuhaimi Shafiei v PP* [2014] 2 MLJ 145; [2014] 5 CLJ 22, *PP v Azmi Sharom* [2015] 6 MLJ 751; [2015] 8 CLJ 921)?

[35] Before us learned counsel argued that:

(a) the invocation of double presumption has for all intent and purpose had reversed the burden on an accused person to prove his or her innocence;

(b) the double presumption has placed the onus on an accused to prove the excusing factors to avoid punishment ie the accused is not a trafficker;

(c) the imposition of burden to prove on the accused to show that the accused is not a trafficker erodes the presumption of innocence;

(d) the imposition of burden on the accused is oppressive, unduly harsh and is procedurally unfair resulting in the accused being denied a fair trial;

(e) the double presumption virtually robs an accused person the defence of innocent or passive carrier. The joint presumption of trafficking under section 37(d) and 37(da) is almost impossible to rebut;

(f) the infringement of the presumption of innocence may result in an accused person being convicted of the offence of trafficking despite a reasonable doubt as to whether he or she was in fact trafficking;

(g) the Federal Court in *Muhammed Hassan v Public Prosecutor* [1998] 1 AMR 829 acknowledged that double presumption is oppressive to an accused; and

(h) on being found with the minimum statutory amount of drugs under section 37(da), a person is virtually presumed to be guilty of trafficking and must be sentenced to death if he remains silent or unable to rebut the presumption on the balance of probabilities and therefore a person's life could be deprived by a procedure which is arbitrary, unfair and unjust.

[36] Learned counsel nevertheless did not dispute that the amending Act A1457 which introduced the double presumption rule was a valid Act enacted by Parliament. Therefore we could safely hold that the new s 37A of the Act is not illegal or ultra vires art 5 or art 8 of the Federal Constitution. This is so by virtue of the operative words used in the articles 'save in accordance with law?

[37] The onus of proving the guilt of the appellant beyond reasonable doubt is still on the prosecution. The presumptions under ss 37(d) and 37(da) of the Act is a rebuttable presumption. Before a presumption can safely be invoked, it is incumbent upon the prosecution to adduce positive evidence of facts from which the presumption can be relied on. It is the common task of the trial judge to make a finding of fact before a presumption or an inference can safely be invoked. Thus it is clear to us that there are pre-conditions to satisfy in order for the presumptions to be invoked. The rights of the defence were maintained and the appellant was given an opportunity to rebut the presumptions on the balance of probabilities. In *Gan Boon Aun*, the Federal Court held:

[54] There was a presumption and reverse onus clause in s 122(1). But the

substance and effect of the presumption was reasonable and was not greater than was necessary. The rights of the defence were maintained. The statutory defence provided the opportunity to an accused to rebut the presumption. It was only right that an accused should prove the matters set out in statutory defence. Fairly said, there was balance between the general interest of the community and the protection of fundamental rights. There is no basis to hold that s 122(1) was unconstitutional.

[38] Applying the above reasoning, we are of the view that s 37A of the Act is not unconstitutional. We further hold that the double presumptions allowed under s 37A the Act did not violate the doctrine of presumption of innocence as alleged by learned defence counsel.

[39] Reverting back to the instant appeal, we find no error of law or fact by the learned JC in invoking the presumptions under s 37(d) and s 37 (da) of the Act as we found that this was supported by proved facts. The learned JC had considered the facts that the appellant was in custody and/or control of the bag P7 which contained the impugned drugs as well as the fact that the appellant carried the drugs which was more than the minimum weight of 50g stated under s 37(da)(xvi) which automatically triggered the presumption of trafficking, from Hong Kong into Malaysia.

[64] Berdasarkan kepada pemerhatian dan dapatan-dapatan saya di atas dengan memberi pertimbangan kepada keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan dan pembelaan yang diajukan oleh OKT dan dengan mengambil kira ekshibit yang dikemukakan serta hujahan-hujahan pihak pendakwaan dan pembelaan, saya telah memberi penilaian maksima ke atas keseluruhan keterangan. Adalah menjadi keputusan saya bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kes prima facie terhadap OKT sebagaimana pertuduhan. Sehubungan dengan itu OKT dipanggil untuk membela diri.

KES PEMBELAAN MOHD SUFFIAN

[65] Pada 5 Julai 2015 jam lebih kurang 9 malam, OKT berada di tempat kediaman OKT bersama Sheila di Apartment Tan, Pulau Pinang. Sewaktu itu, adik perempuan beliau bernama Nur Shuhada bt Hashim (890225-08-5728) dan keluarganya telah datang ke rumah OKT untuk menziarahinya. Pada ketika itu adalah bulan puasa.

[66] Pada jam lebih kurang 1.50am 6 Julai 2015, kawan dan juga saudara OKT yang bernama Along @ Mohd Akhbar Habibullah bin Baharuddin (SP7) telah datang ke rumah OKT untuk mengajak beliau keluar. OKT telah bersetuju untuk keluar dengan SP7 memandangkan keluarga adik OKT pun turut datang ke rumahnya dan pada masa yang sama OKT perlu membeli makanan untuk bersahur.

[67] Pada tarikh dan masa kejadian, OKT bersama-sama dengan SP7 telah menaiki sebuah kereta jenis Axia berwarna hijau.

[68] OKT mengatakan bahawa SP7 tidak begitu pasti dengan lalu lintas di Butterworth terutamanya kawasan Raja Uda dan menyuruh OKT memandu manakala SP7 duduk ditempat penumpang hadapan (*front passenger seat*).

[69] Ketika mereka berada di Jalan Raja Uda, OKT tahu terdapat sebuah restoran nasi kandar yang beroperasi 24 jam di seberang jalan. Maka, OKT telah memberhentikan kenderaan di tepi jalan lalu meminta SP7 pergi membeli makanan. Kemudian, SP7 telah keluar membeli makanan sementara OKT menunggu di dalam kereta.

[70] Pada ketika itu, jam adalah lebih kurang 2 pagi. OKT telah berasa sangat mengantuk dan telah terlena di dalam kereta sementara menunggu SP7. Kemudiannya, OKT terkejut terdengar pintu kereta diketuk dan telah nampak beberapa individu mengerumuni mengelilingi kereta tersebut. OKT telah berasa terkejut pada ketika itu kerana takut mereka berniat untuk menyamun beliau. Kemudian barulah mereka memaklumkan kepada OKT bahawa mereka adalah polis dan telah memintanya untuk membuka pintu kereta.

[71] Kemudian, OKT diminta oleh seorang pegawai polis yang bernama Kpl Ismail bin Ahmad (SP6) untuk menunjukkan kad pengenalannya. OKT telah menunjukkannya kepada SP6 untuk semakan. Pada ketika itu, OKT telah nampak seorang pegawai polis bernama L/Kpl Jafni telah memeriksa kereta Axia dan mengeluarkan sebuah beg berwarna hitam daripada bawah kerusi penumpang di mana SP7 telah duduk. L/Kpl Jafni kemudiannya telah mengeluarkan kandungannya yang mengandungi sebuah plastik berwarna *silver* yang 'berseal' dan wang tunai yang nilainya tidak diketahui.

[72] OKT langsung tidak ada apa-apa pengetahuan tentang beg hitam tersebut mahupun kandungannya. OKT juga tidak perasaan sama ada SP7 ada membawa beg hitam tersebut namun SP7 adalah orang yang telah duduk di kerusi tersebut dan kereta Axia tersebut telah digunakan oleh SP7. OKT telah memberitahu pihak polis bahawa beliau tidak tahu apa-apa mengenai beg hitam tersebut, namun begitu L/Kpl Jafni telah memberitahu bahawa sebab OKT seorang sahaja yang ada ketika itu disana, mereka akan menahannya dan membawa beliau ke balai polis.

[73] Pada ketika OKT sedang ditahan dan digari, OKT mendapati SP7 tidak muncul kembali ke kereta. OKT telah menyatakan bahawa beliau langsung tidak pernah melihat beg hitam tersebut apatah lagi menyentuhnya. OKT juga tidak perasaan beg hitam tersebut berada di dalam kereta tersebut kerana pada waktu tersebut sudah lewat malam dan keadaannya adalah gelap.

[74] Selain itu, pihak polis juga turut menemui wang tunai berjumlah RM2,181. OKT kemudiannya telah ditahan dan dibawa ke Balai Polis Butterworth dan seterusnya ke IPD Kepala Batas. Bahawa dadah yang dijumpai di bawah kerusi penumpang kereta jenis axia adalah milik SP7. Tiada apa-apa barang peribadi milik OKT dijumpai dalam beg hitam (P13).

KEPUTUSAN MAHKAMAH DI AKHIR KES PEMBELAAN

[75] Pada peringkat ini pihak pembelaan hanya perlu untuk menimbulkan keraguan yang munasabah terhadap kes pendakwaan bagi mendapatkan perintah pelepasan dan pembebasan. Sekiranya ini gagal dilakukan maka pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kes pendakwaan di sebalik keraguan yang munasabah dan OKT perlu disabitkan bagi kesalahan seperti pertuduhan yang dikemukakan terhadap mereka (rujuk kes *Mohamed Yatim bin Abu Bakar v Public Prosecutor* [1950] 1 MLJ 57 dan *Mohamad Radhi bin Yaakob v Public Prosecutor* [1991] 3 MLJ 169; [1991] 1 CLJ Rep 311).

[76] Maksud keraguan yang munasabah juga telah dijelaskan dalam kes *Public Prosecutor v Saimin & Ors* [1971] 2 MLJ 16 iaitu keraguan yang berasaskan kepada keterangan dan bukan keraguan dari imiginasi yang tidak berlandaskan keterangan.

[77] OKT pada peringkat ini, perlu menimbulkan keraguan yang munasabah terhadap kes pendakwaan sepertimana yang diputuskan oleh Yang Arif Dato' Abdul Hamid Embong di dalam kes *Public Prosecutor v Ho Sek Kong* [2006] 2 MLJ 81; [2006] 5 CLJ 49:

> Although the burden of proof in a criminal trial lies throughout on the prosecution in bringing home a conclusion that it had proven its case beyond a reasonable doubt, the accused, if called upon to his defence bears the evidential of casting that doubt.

[78] Manakala, di dalam kes *Chan Chwen Kong v Public Prosecutor* [1962] 1 MLJ 307, Thomson CJ memutuskan:

> In most criminal cases there is at some stage an onus of a sort upon the accused person. Once the prosecution produces evidence which if believed would support a conviction there is a tactical onus on the accused person either to produce evidence of his own or to point to something in the prosecution evidence that every lowest make the trier of fact less than sure of any conclusions he might otherwise be prepared to base upon the prosecution evidence. If he fails to discharge that tactical onus he will be convicted. That is very true.

[79] OKT mempunyai tugas untuk 'rebut' anggapan di bawah ss 37(d) dan 37(da) ADB 1952 atas imbangan kebarangkalian. Mahkamah Rayuan di dalam kes *Henry Chan Kok Loon v Public Prosecutor* [2017] MLJU 1191;

[2017] 1 LNS 1174, memutuskan:

> Section 37(d) of the DDA, already provided a 'deemed state of affairs' (ie, deemed possession and deemed knowledge). There is no longer the necessity for the prosecution to prove how these possession or knowledge were derived at. So long as there is already a finding of custody and control, the presumption is triggered. Since the learned Judge had already made a finding of custody and control of P66 and its contents, the Accused is deemed to have possession and knowledge. This has been illuminated by Chong Siew Fai CJ (Sabah and Sarawak) in *Muhammed Hassan v Public Prosecutor* [1998] 2 MLJ at p 273, delivering the judgment of the Federal Court:
>
> > The deemed state of afairs in s 37(d) (ie, deemed possession and deemed knowledge) is by operation of law and there is no necessities to prove how the particular state of affairs is arrived at. There need only be established the basic or primary facts necessary to give rise to that state of affairs ie, the finding of custody and control. Such presumptions as under s 37(d) (and, for that matter, the one under s 37(da) are sometimes described as 'compelling presumptions' in that upon proof of custody or control in s 37(d) by the prosecution), the court must in law draw a presumption in its favour (ie, presumptions of possession and knowledge) unless the other party proves the contrary. Such a presumption has the compelling force of law. It is a deduction which the law requires the trial court to make.
>
> The burden then lies on the accused to rebut this presumption on a balance of probabilities (see *Public Prosecutor v Lin Yu Choy* [2010] 1 CLJ 94 at p 101, *Public Prosecutor v Abdul Manaf bin Muhamad Hasan* [2006] 2 MLJ 193).

[80] Selain itu, keterangan atau penjelasan yang diberikan oleh OKT dalam pembelaannya hendaklah dipertimbangkan bersama-sama keseluruhan keterangan dalam kes ini seperti yang dijelaskan dalam kes *Saminathan & Ors v Public Prosecutor* [1955] 21 MLJ 121 seperti berikut:

> ... as in every case, the explanation of the accused has to be considered with the rest of the evidence in the case and that the accused will be entitled to an acquittal if, as a result of such explanation the existence of a material fact on which the prosecution relied is no longer so probable as to make a prudent man act upon the supposition that fact exists.

[81] OKT telah memberi keterangan bahawa pada 5 Julai 2015 jam lebih kurang 9 malam, OKT pada ketika itu berada di rumahnya bersama Sheila (teman wanita OKT) di Apartment Tan, Pulau Pinang. Pada ketika itu juga adik perempuan OKT iaitu Nur Shuhada bt Hashim (SD2) dan keluarganya telah datang ke rumah OKT untuk menziarahinya. Berkaitan dengan pembelaan OKT ini, ianya tidak dicadangkan kepada mana-mana saksi pendakwaan dan hanya ditimbulkan semasa kes pembelaan. Ini merupakan fakta baru pembelaan berkaitan dengan wujudnya Apartment Tan, Sheila, SD2 dan keluarga SD2. Begitu juga dengan keterangan pembelaan bahawa OKT telah memberi duit kepada SP7 untuk SP7 pergi ke kedai membeli makanan

lauk ayam, telur dan kuah gulai juga tidak dicadangkan kepada mana-mana saksi pendakwaan semasa kes pendakwaan. Ini hanya timbul semasa OKT dan SD2 memberi keterangan. Saya berpendapat adalah tidak logik untuk OKT memberikan wang kepada SP7 untuk SP7 membeli makanan untuk OKT, SD2 serta keluarga SD2 bersahur di rumah OKT kerana SD7 bukan merupakan tetamu yang diundang oleh OKT (rujuk kes *Ng Chong Wan v Public Prosecutor* [2011] MLJU 1550).

[82] Semasa pembelaan, OKT menyatakan bahawa beliau keluar dengan SP7 atas alasan SP7 telah mengajak OKT keluar makan tetapi keterangan pembelaan yang dikemukakan di mahkamah ini ialah OKT telah memberi wang kepada SP7 untuk SP7 belikan makanan untuk OKT. Tiada keterangan dikemukakan di mahkamah ini di manakah lokasi sebenar SP7 dan OKT pergi menjamu selera sekiranya apa yang diperkatakan oleh OKT ini benar. Ini merupakan keterangan yang tidak munasabah dan bersifat pemikiran terkemudian.

[83] Disamping itu, berkenaan keberadaan SP7 bersama OKT (di mana SP7 menafikan berada bersama OKT semasa OKT ditangkap polis), semasa kes pendakwaan, pihak pembelaan telah mencadangkan kepada SP7 bahawa SP7 berada bersama OKT mulai waktu petang 5 Julai 2015 sehinggalah tengah malam atau awal pagi 6 Julai 2015. Walau bagaimanapun, di dalam keterangan OKT dan SD2 dihadapan saya, OKT dan SD2 mengatakan bahawa SP7 hanya dilihat apabila datang ke rumah OKT di Apartment Tan. Persoalan yang timbul ialah sejak bilakah SP7 ada bersama dengan OKT. Adakah sejak petang 5 Julai 2015 hingga awal pagi 6 Julai 2015 atau SP7 datang ke rumah OKT pada 6 Julai 2015 jam 1.50 pagi? Ini menimbulkan dua versi pihak pembelaan yang boleh mengelirukan pihak pendakwaan dan mahkamah.

[84] Bagi mengesahkan isu keberadaan SP7 bersama OKT, pihak pembelaan juga telah mencadangkan kepada SP7 bahawa SP7 telah meletakkan paket warna *silver* yang mengandungi dadah di dalam beg hitam sebelum SP7 menaiki kereta tersebut bersama OKT seawal pada petang 5 Julai 2015. Keterangan ini boleh dirujuk semasa SP7 disoal balas. OKT dalam keterangannya menyatakan di perenggan 9, WSD1, bahawa L/Kpl Jafni telah menjumpai sebuah beg berwarna hitam di bawah kerusi penumpang di mana SP7 duduk. Versi OKT ini bercanggah dengan versi pihak pembelaan yang telah mencadangkan kepada SP7 semasa kes pendakwaan bahawa beg tersebut termasuk isi kandungannya adalah milik SP7 yang mana SP7 telah tinggalkan di kerusi penumpang sebelah hadapan kiri apabila SP7 keluar membeli makanan sedangkan pihak pembelaan tidak pernah mencadangkan kepada SP7 bahawa beg tersebut diletakkan oleh SP7 di bawah kerusi penumpang hadapan.

[85] Pada peringkat ini, saya berpendapat bahawa pembelaan yang dikemukakan oleh OKT merupakan penbelaan secara penafian kosong semata-mata (rujuk kes *Tan Kim Ho & Anor v Public Prosecutor* [2009] 3 MLJ 151; [2009] 3 CLJ 236; *Mohamad Radhi bin Yaakob v PP* [1991] 3 MLJ 169; [2009] 1 CLJ 154; *Sakri bin Yusuf v Public Prosecutor* [2011] 4 MLJ 714; *Henry Chan Kok Loon v Public Prosecutor* [2017] MLJU 1191; [2017] 1 LNS 1174).

[86] Untuk mengukuhkan lagi dapatan saya ini, terdapat satu lagi isu berkaitan dengan kedudukan di mana OKT tidak setuju bahawa OKT telah menandatangani borang bongkar yang telah disediakan oleh SP6. Malangnya terdapat ketinggalan oleh pihak pembelaan untuk mencadangkan isu ini kepada SP6 semasa SP6 memberi keterangan. Tambah memburukkan lagi kes pembelaan, semasa SP6 disoal balas oleh pihak pembelaan, pihak pembelaan telah mencadangkan kepada SP6 bahawa borang bongkar telah dilengkapkan oleh SP6 dan diserahkan kepada OKT. Hasil dari adanya cadangan ini, OKT tidak sepatutnya mempertikaikan fakta bahawa OKT telah menandatangani borang bongkar tersebut. Terdapatnya penafian OKT ini diperingkat pembelaan maka berlakulah percanggahan versi pembelaan diperingkat pembelaan dengan kes pendakwaan.

[87] Sehubungan dengan ini, saya bersetuju dengan hujahan pihak pendakwaan bahawa borang bongkar ini merupakan keterangan dokumentar yang penting kerana ia mengandungi fakta yang menyokong keterangan SP6 berkenaan masa kejadian, lokasi kejadian, senarai barang kes, individu yang ditahan dan juga menunjukkan di mana barang kes ditemukan.

[88] Dari pembelaan OKT, OKT cuba membuktikan bahawa beg hitam yang mengandungi dadah telah ditemui oleh Kpl Jafni di bahagian bawah kerusi penumpang hadapan sebelah pemandu. Selepas pihak pendakwaan menutup kes pendakwaan, Kpl Jafni telah ditawarkan sebagai saksi bagi pihak pembelaan tetapi pihak pembelaan telah menafikan kesempatan ini untuk menguatkan versi pembelaan bahawa dadah telah ditemui oleh Kpl Jafni ditempat yang dikatakan oleh pembelaan. Sekiranya L/Kpl Jafni dipanggil untuk memberi keterangan dan ianya menyokong versi pembelaan maka berkemungkinan keseluruhan kes pendakwaan akan menjadi kucar kacir.

[89] Sehubungan dengan itu, saya berpendapat bahawa saya boleh membuat inferens sekiranya L/Kpl Jafni dipanggil untuk memberi keterangan, beliau boleh menyokong keterangan yang telah diberikan oleh SP6 kerana beliau berada bersama SP6 semasa SP6 menjumpai dadah di atas tempat duduk penumpang hadapan kereta Axia dan boleh mendatangkan kemudaratan kepada kes pembelaan.

[90] Selain dari apa yang saya perkatakan di atas, versi pihak pembelaan yang menyatakan L/Kpl Jafni yang menjumpai beg dan memeriksa beg adalah bercanggah dengan versi pembelaan semasa menyoal balas SP6, terutamanya berkaitan dengan penemuan dadah dan reaksi OKT pada ketika itu. Ini berlaku apabila pihak pembelaan telah menyoal balas SP6, pihak pembelaan telah mencadangkan kepada SP6 bahawa OKT tidak dalam keadaan terkejut semasa beg tersebut dibuka oleh SP6. Oleh yang demikian, ini secara tidak langsung OKT memberi pengesahan bahawa orang yang memeriksa beg yang mengandungi dadah tersebut adalah SP6 dan bukannya L/Kpl Jafni. Selain daripada yang telah diperkatakan, apabila pihak Pembelaan menyoal balas SP6 bahawa SP6 telah mengoyak plastik *silver* di lokasi kejadian dan telah mengeluarkan sebahagian bahan yang berada di dalam plastik *silver* tersebut untuk mengenalpasti bahannya serta telah melihat sedikit kandungan melalui koyakan tersebut. Ini jelas mengesahkan bahawa keterangan OKT bahawa L/Kpl Jafni yang memeriksa barang kes adalah bercanggah dengan apa yang dicadangkan kepada SP6.

[91] Berdasarkan kepada pemerhatian saya di atas, adalah jelas kepada saya bahawa pembelaan yang dikemukakan oleh OKT di hadapan saya merupakan keterangan yang bersifat pemikiran terkemudian dan penafian kosong semata-mata (rujuk kes *DA Duncan v PP* [1980] 2 MLJ 195; *Magendran a/l Mohan v PP* [2010] 6 MLJ 619; [2010] 5 CLJ 390).

[92] Saya telah meneliti dan memperhalusi keterangan yang telah diberikan oleh SD2 dan saya dapati keterangan SD2 perlu diterima secara berhati-hati kerana SD2 merupakan adik kepada OKT dan merupakan saksi yang berkepentingan. Walau bagaimanapun, ini tidak bermakna saya patut menolak keseluruhan keterangan SD2.

[93] Yang jelas kepada saya, sekiranya benar SD7 datang untuk menjemput OKT keluar makan pada jam 1.50am 6 Julai 2015, SD2 tidak akan tahu apa yang berlaku selepas itu kerana SD2 berada di Apartment Tan sehinggalah beliau meninggalkan Apartment Tan apabila SD2 mendapati OKT tidak pulang ke rumahnya. Keterangan SD2 ini hanya setakat melihat OKT dikatakan keluar bersama SD7. Berdasarkan kepada keberadaaan pada ketika itu, saya berpendapat SD2 tidak dapat mengesahkan sama ada OKT dan SP7 menaiki kereta yang sama atau kereta yang berlainan setelah kedua-dua mereka dikatakan meninggalkan rumah OKT. SD2 juga tidak dapat memastikan sama ada SP7 pulang ke rumah beliau dengan menaiki kereta yang lain.

[94] SD2 memberi keterangan bahawa SP7 sering memandu kereta sewa dan akan menukar kereta setelah beberapa hari. Apabila disoal balas, SD2 bersetuju hanya bertemu dengan SP7 sebanyak sekali atau dua kali dalam setahun. Dalam situasi ini, amat sukar untuk saya menerima keterangan ini

kerana tidak mungkin SD2 mempunyai pengetahuan berkenaan jenis kenderaan yang dimiliki oleh SP7 dan bagaimana SD2 boleh tahu sekiranya SP7 sering menyewa dan menukar kereta.

[95] Berdasarkan kepada pembelaan OKT dan keterangan SD2, saya berpendapat bahawa keberadaan SP7 di tempat kejadian sangat penting dan adalah menjadi tugas dan tanggungjawab SD2 untuk mencari SP7 untuk mengetahui kedudukan dan keadaan yang sebenar bagaimana dadah boleh berada di dalam kereta tersebut. SP7 boleh menjelaskan keadaan ini kepada SD2 dan ahli keluarga OKT. Apa yang berlaku adalah sebaliknya yang mana SD2 mengesahkan bahawa SD2 mencari Sheila di Apartment Tan dan cuba menghubungi Shiela melalui *Whatsapp* namun gagal dihubungi. Saya berpendapat bahawa perbuatan SD2 berusaha untuk menghubungi Sheila sedangkan OKT dikatakan keluar bersama SP7 adalah satu tindakan yang tidak logik. Jika benar SP7 ada bersama-sama OKT semasa hari kejadian, sudah tentu SD2 dan keluarga akan mencari SP7 untuk mengetahui kenapa SP7 tidak ditahan bersama-sama OKT dan kenapa SP7 tergamak menganiayai OKT dengan meninggalkan beg hitam yang mengandungi dadah dalam kereta tersebut. Berdasarkan kepada soal balas pembelaan ke atas SP7 semasa kes pendakwaan, SP7 masih menggunakan nombor telefon yang sama selepas OKT ditangkap dan untuk SD2 menghubungi SP7 bagi mengetahui perihal tangkapan OKT bukanlah satu perkara yang mustahil (rujuk kes *Khoon Chye Hin v Public Prosecutor* [1961] 1 MLJ 105b di ms 107).

[96] Hasil penelitian dan analisa yang saya lakukan ke atas keseluruhan kes pembelaan maka adalah menjadi dapatan saya bahawa pembelaan OKT merupakan penafian kosong dan berbentuk pemikiran terkemudian.

[97] Manakala dalam kes pendakwaan, keterangan menunjukkan bahawa dadah ditemui oleh SP6 di atas tempat duduk kereta Axia dan OKT berada di bahagian pemandu kereta tersebut. Dadah tersebut ditemui di dalam kereta dan hanya OKT seorang sahaja yang berada di dalam kereta semasa kejadian. Sehubungan dengan dapatan-dapatan saya dalam kes pembelaan, adalah jelas bahawa pembelaan telah gagal menyangkal anggapan milikan di bawah s 37(d) dan anggapan pengedaran di bawah s 37(da) ADB 1952 atas imbangan kebarangkalian dan gagal mewujudkan keraguan yang munasabah ke atas kes pendakwaan.

KESIMPULAN

[98] Berdasarkan kepada keseluruhan keterangan dan dapatan-dapatan saya dalam kes ini, saya dapati bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kes pendakwaan melampaui keraguan yang munasabah bagi pertuduhan di bawah s 39B(1)(a) ADB 1952 terhadap OKT.

[99] Oleh yang demikian, OKT didapati bersalah dan disabitkan dengan kesalahan di bawah s 39B(1)(a) ADB 1952 yang boleh dihukum di bawah s 39B(2) Akta yang sama.

[100] Berlandaskan peruntukan undang-undang, saya tidak ada pilihan yang lain melainkan menjatuhkan hukuman gantung sampai mati ke atas OKT.

Tertuduh disabitkan bersalah dan dijatuhkan hukuman gantung sampai mati.

Dilaporkan oleh Dzulqarnain Ab Fatar